

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

- PERTANYAAN** : **LISAN**
- DARIPADA** : **DATUK DR. HAJI ABD. LATIFF BIN HAJI AHMAD [MERSING]**
- TARIKH** : **1 APRIL 2015 (RABU)**
- SOALAN** : **Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Haji Ahmad [Mersing] minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan Kedudukan tanah terbiar di seluruh negara:-**
- a) berapakah keluasan tanahnya, adakah keluasannya semakin berkurangan atau bertambah; dan
 - b) apakah usaha Kementerian untuk memajukan tanah-tanah berkenaan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Pada tahun 2013, Kementerian telah mengenal pasti seluas 119,273 hektar tanah terbiar milik individu yang berpotensi untuk dibangunkan dengan aktiviti pertanian melalui pemeriksaan di lapangan. Memandangkan data tanah yang dikenal pasti masih lagi terkini, tiada pemeriksaan terbaru yang dijalankan bagi mengenal pasti terdapat pertambahan atau pengurangan kepada keluasan tanah terbiar. Walau bagaimanapun, pada tahun 2014, seluas 1,760.82 hektar tanah terbiar telah dibangunkan melalui program-program sedia ada Jabatan/Agensi di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA).

Usaha-usaha pembangunan tanah terbiar dilaksanakan melalui program sedia ada Jabatan/ Agensi dan proses pepadanan antara pemilik tanah terbiar dengan pengusaha dengan sasaran seluas 750 hektar setahun. Pada tahun 2015, sasaran sebanyak 610 hektar tanah terbiar dibangunkan di bawah program Jabatan/ Agensi dan sebanyak 140 hektar akan dibangunkan oleh pengusaha dengan persetujuan pemilik tanah. Di samping itu, terdapat seluas 498 hektar tanah terbiar di peringkat rundingan antara pemilik tanah dan pengusaha untuk dimajukan.